

5 buku Malaysia diterjemah, terokai pasaran Jepun

Astro Awani

6 November 2018

Kenyataan Media

KUALA LUMPUR: Lima buah buku termasuk Hang Tuah: Catatan Okinawa yang diterjemah ke dalam bahasa Jepun dilancarkan di Tokyo hari ini.

Berucap menyempurnakan majlis pelancaran, Menteri Pendidikan, Dr Maszlee Malik berkata, usaha ini merupakan inisiatif kerjasama antara Institut Terjemahan dan Buku Malaysia (ITBM) dan Japan Malaysia Association (JMA) dengan sokongan tiga universiti awam iaitu Universiti Utara Malaysia (UUM), Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Universiti Malaysia Terengganu (UMT).

Selain Hang Tuah: Catatan Okinawa, turut dilancarkan Islamic Finance Fundamentals With Applications in Malaysia, The Basics of Islamic Finance With Applications in Malaysia, Halal: All That You Need To Know dan Beautiful Malaysia.

Maszlee berkata, pelancaran lima judul itu merupakan permulaan kepada lebih banyak lagi projek terjemahan dan penerbitan buku-buku Malaysia ke bahasa Jepun yang akan diusahakan dalam masa terdekat.

Katanya, usaha terjemahan dan penerbitan buku ini penting untuk mengukuhkan hubungan dua hala antara kedua-dua negara.

Ia dilancarkan di gedung Kinokuniya Shinjuku di Tokyo.

Turut hadir Presiden Kinokuniya Co. Ltd., Encik Masashi Takai dan Pengarah Eksekutif JMA, Encik Takakazu Ogawa. Profesor Dato' Dr. Nor Aeni Mokhtar, Naib Canselor UMT; Profesor Madya Dato' Dr. Noraien Mansor, Pengarah Penerbit UMT; Puan Kamariah Mohd Saidin, Pengarah Penerbit UPM dan Puan Siti Rafiah Sulaiman, Ketua Jabatan Khidmat Pengurusan ITBM hadir sama.

Menurut Maszlee, usaha itu bertepatan dengan kempen Dekad Membaca Kebangsaan yang digerakkan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan KLBACA! iaitu kempen Kuala Lumpur ke arah Kota Buku Dunia 2020.

"KPM akan teruskan usaha untuk memastikan aktiviti penterjemahan bergiat lebih aktif termasuk terjemahan buku-buku dalam bahasa Melayu ke bahasa asing serta dari bahasa asing ke bahasa Melayu. Ini akan meningkatkan ekonomi penterjemahan.

"Dalam masa yang sama akan ada pemindahan pengetahuan dalam bidang penterjemahan. Ini penting supaya semua kajian kita dirujuk termasuk karya universiti-universiti tempatan," kata beliau.

Malah kata beliau, KPM akan memastikan universiti-universiti awam menjadi penggerak utama program terjemahan dengan kerjasama ITBM.

"Selain itu, pelancaran hari ini juga membuka peluang kepada sektor halal Malaysia untuk berkembang termasuk program latihan untuk industri halal di Jepun dan negara-negara lain selepas ini. Peluang ekonomi yang besar kepada kedua-dua negara," kata YB Dr Maszlee.

Menurut beliau, satu Memorandum Persefahaman (MoU) turut ditandatangani antara ITBM, JMA dan Kinokuniya Jepun bagi pengedaran buku-buku terbitan ITBM dan JMA di kedai-kedai buku terpilih Kinokuniya di Jepun.

Melalui MoU ini, buku-buku hasil kerjasama ITBM dan JMA boleh didapati di pasaran Jepun, sekali gus menyebarkan luas karya penerbitan Malaysia di peringkat antarabangsa.

Program pelancaran ini diadakan sempena lawatan kerja YAB Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad ke Jepun.

2018Astro Awani Network Sdn. Bhd.

(535275-D) All Rights Reserved.

Source: <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/5-buku-malaysia-diterjemah-terokai-pasaran-jepun-190396>